# PEMIMPIN MENURUT PANDANGAN HAMKA: SATU TINJAUAN DALAM TAFSIR AL-AZHAR
## (Leadership According to HAMKA: A Review on Tafsir Al-Azhar)

Oleh:
Zulkifli Mohd Yusoff[*]
Abdul Hafiz Abdullah[**]

**Abstrak**

*HAMKA sebagai tokoh ulama ulung Nusantara banyak membincangkan hal-hal berkaitan pemimpin di dalam karya-karya beliau. Tafsir Al-Azhar sebagai karya agung beliau turut tidak ketinggalan dalam membincangkan perkara tersebut. Artikel ini akan mengupas istilah-istilah yang telah digunakan oleh HAMKA bagi menjelaskan maksud pemimpin seperti khalifah, imam dan wali. Seterusnya tulisan ini juga akan membicarakan pemikiran HAMKA tentang faktor-faktor yang mendorong seseorang untuk menjadi pemimpin terutamanya keturunan, kekuatan fizikal dan ilmu pengetahuan. HAMKA juga turut membincangkan asas pimpinan Islam iaitu Allah, rasul dan orang-orang yang beriman. Tugas dan kewajipan pemimpin, teguran dan nasihat kepada pemimpin serta hubungan intim di antara pemimpin dan pihak pemerintah juga tidak ketinggalan dibincangkan oleh HAMKA demi untuk mencapai keredaan Allah SWT.*

***Kata Kunci:*** *HAMKA, Tafsir Al-Azhar, Khalifah, Imam, Asas Pimpinan.*

**Abstract**

*HAMKA as one of renowned ulama in Nusantara talks widely about leadership in his writings. The topic is also touched in Tafsir Al-Azhar which is one of his masterpiece. This article will discuss about the terms used by HAMKA in describing leader and leadership to realize the meaning of words like khalifah, imam and wali. Furthermore, HAMKA ideas and thoughts on factors such as bloodline, physical strength and knowledge for a person to be a leader are discussed in this work. HAMKA also talks about the fundamental of leadership which are The Almighty God, Allah, prophet and worshipers. In achieving the blessing from Allah SWT, duties and responsibilities of leaders, criticisms and advices to the leaders and the personal relationship between the leader and the government had also been discussed by HAMKA.*

***Keywords:*** *HAMKA, Tafsir Al-Azhar, Khalifah, Imam, Fundamental of Leadership.*

---

[*] Zulkifli Mohd Yusoff (Dato'), PhD, merupakan Profesor di Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: zulkifliy@um.edu.my.

[**] Abdul Hafiz Abdullah, merupakan calon Ijazah Tinggi (PhD), Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: abhafiz@utm.my.

## Pendahuluan

Telah menjadi peraturan yang tetap di dalam alam ini bahawasanya segala sesuatu berjalan dengan pimpinan. Walaupun manusia telah dikurniakan oleh Allah SWT akal dan fikiran, kadang-kadang mereka tidak menyedari bahawa hidup mereka perlu kepada pemimpin dan pimpinan. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab rakyat memilih pemimpin yang mempunyai sifat kepimpinan sejati. Seorang pemimpin yang dilantik hendaklah memiliki ciri-ciri yang layak dan sesuai untuk dijadikan pemimpin.

## Definisi Pemimpin

Menurut Kamus Dewan, pemimpin ialah orang yang memimpin.[1] Manakala menurut HAMKA, pemimpin ialah; "memimpin supaya tegak. Membimbing supaya dapat berjalan, memapah supaya jangan jatuh! Atau menarik naik kalau sudah tergelincir jatuh. Tegak ke muka kalau bahaya datang mengancam".[2] Hak kepimpinan hendaklah diberikan kepada lelaki, kerana ia adalah perintah daripada Allah SWT serta sesuai dengan keadaan jasmani dan rohani manusia.[3] Perkataan *khalifah* juga digunakan oleh HAMKA bagi menjelaskan maksud pemimpin, *khalifah* bermaksud pengganti Rasulullah SAW dalam urusan pemerintahan atau menjadi pengganti untuk melaksanakan hukuman Allah dalam pemerintahan.[4]

Imam al-Mawardi menjelaskan bahawa *al-khilāfah wa al-Imāmah* (pemimpin) bermaksud tempat bagi mengganti tugas-tugas kenabian demi menjaga agama dan politik dunia.[5] HAMKA juga sering menggunakan perkataan *imām* untuk tujuan yang sama, *imām* bermaksud pemimpin yang diikuti oleh seseorang, oleh yang demikian seseorang yang tidak mempunyai pemimpin (*imām*) untuk diikuti di dunia, maka ia akan buta hati daripada agama, sehingga kehidupannya di akhirat menjadi gelap. Jika seseorang tidak beriman kepada kebenaran, nescaya ia akan memilih *imām* ke arah kesesatan secara terus menerus.[6]

Perkataan wali juga digunakan oleh HAMKA dalam menjelaskan masksud pemimpin, penguasa, pengatur, pengurus, pemuka, penolong dan pelindung yang beriman kepada Allah.[7] Hal-hal berkaitan pemimpin adalah merupakan perkara penting, oleh yang demikian, Allah SWT sentiasa memberi peringatan kepada orang yang beriman secara berulang kali tentangnya.[8]

---

[1] Noresah Baharom et al., (2010), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1208.

[2] HAMKA (1975), *Kedudukan Perempuan Dalam Islam*, c. 2, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, h. 62.

[3] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, c. 3, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., j. 2, h. 1196-1197.

[4] *Ibid*., j. 1, h. 159. Lihat juga HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 7, h. 5255.

[5] 'Ali bin Muhammad Habib al-Mawardi (1979), *Qawānin al-Wizārat wa Siyāsat al-Mulk*, Beirut: Dār al-Talī'at li al-Tibā'at wa al-Nashr, h. 20.

[6] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhar*, j. 6, h. 4094. Lihat juga HAMKA (1999) *Tafsir Al-Azhar*, j. 7, h. 5065-5066 & 5617-5618.

[7] *Ibid*., j. 2, h. 749. Lihat HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhar*, j. 1, h. 628. Lihat juga HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhar*, j. 9, h. 7291.

[8] *Ibid*., j. 3, h. 1783.

## Perbahasan Tafsir Al-Azhar Tentang Pemimpin

Menurut Mohd Zaid Kadri, melalui *Tafsir Al-Azhār*, HAMKA telah membincangkan hal-hal berkaitan pemimpin secara khusus dalam jilid satu hingga jilid lima serta jilid 8, kebanyakkannya berkisar di bawah tajuk memilih pemimpin, sifat-sifat pemimpin, memberi teguran yang membina kepada pemimpin, orang kafir tidak layak untuk dipilih sebagai pemimpin, istiqamah dalam kepimpinan dan bertambah tinggi kedudukan pemimpin semakin jelas kelemahannya.[9]

## Faktor-Faktor Mendorong Seseorang Menjadi Pemimpin

Menurut HAMKA, terdapat beberapa faktor yang mendorong seseorang itu untuk menjadi pemimpin, antaranya keturunan, kekuatan, kepandaian serta pemimpin lain mengakuinya sebagai pemimpin, HAMKA menjelaskan:

> "Kerana dia diakui lebih kuat, lebih pandai dan lebih dapat dikemukakan, dia bersedia naik yang lain bersedia turun, dia bersedia mengatur dan yang lain bersedia diatur... Sebabnya bermacam-macam; ada kerana keturunan, seumpama anak seorang ulama menjadi ulama pula kerana lingkungan dan pergaulan dan kebiasaan di dalam rumah ayahnya yang dilihatnya sejak kecil".[10]

Ilmu pengetahuan juga dapat menaikkan seseorang menjadi pemimpin, tetapi pemimpin yang sejati kerapkali tidaklah terdiri daripada orang yang sangat pintar dan mempunyai kelulusan tinggi, malahan kerapkali pemimpin-pemimpin besar dunia mempergunakan orang-orang yang berilmu sebagai pembantu untuk mencapai matlamatnya, pemimpin yang sejati adalah satu jiwa atau satu peribadi yang lain daripada yang lain.[11] Oleh yang demikian, keturunan dan keilmuan bukanlah merupakan faktor utama mendorong seseorang untuk menjadi pemimpin dan tidak semua pemimpin yang sejati mempunyai sifat yang sedemikian.

Terdapat faktor-faktor lain yang mendorong seseorang untuk menjadi pemimpin, antaranya agama, fahaman yang dipegang, perebutan pengaruh. HAMKA menegaskan:

> "Ugama yang dipeluk atau kitab-kitab yang dibaca atau suatu fahaman yang dipegang teguh, semuanya pun menentukan corak pemimpin, bahkan perlumbaan perebutan pengaruh dan kuasa dengan pemimpin yang lain yang sama-sama hidup menjadi saringan juga buat menentukan kelemahan dan kekuatan...".[12]

---

[9] Mohd Zaid Kadri (1997), *Fakta-Fakta Dari Tafsir Al-Azhar*, Johor Bahru: Badan Cemerlang Sdn. Bhd., h. 462.
[10] HAMKA (1973), *Pemimpin Dan Pimpinan*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru & Pustaka Budaya Agensi, h. 3-4.
[11] *Ibid*., h. 5.
[12] *Ibid*., h. 6.

Keghairahan untuk mendapatkan sesuatu pangkat dan kedudukan adalah salah satu faktor mendorong seseorang menjadi munafik, bagi mereka gelaran pemimpin adalah merupakan satu kemegahan peribadi, walaupun tidak ada garis panduan yang nyata tentang apa yang akan dipimpinnya.[13] Oleh yang demikian Rasulullah melarang daripada meminta-minta untuk dilantik sebagai pemimpin melalui hadith baginda SAW:

حَدَّثَنَا عَبْد الرَّحْمن بْنِ سَمُرَةَ قَالَ : قَالَ لِي رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَا عَبْدَ الرَّحْمنِ , لا تَسْأَلِ الإمَارَةَ , فإنك إِنْ أُعْطِيْتَهَا عَنْ مَسْأَلَةٍ وُكِلْتَ إِلَيْهَا , وَإِنْ أُعْطِيْتَهَا عَنْ غيْرِ مَسْأَلَةٍ أُعِنْتَ عَلَيْهَا.[14]

Maksudnya: "*Diberitakan daripada Abdul Rahman bin Samurah, beliau berkata: bahawa Rasulullah SAW besabda kepadaku: Wahai Abdul Rahman! Jaganlah engkau meminta untuk menjadi pemimpin, kerana sesungguhnya jika engkau diberi kuasa kerana meminta, maka engkau akan dibebaninya. Sebaliknya jika engkau diberi kuasa tanpa meminta, maka engkau akan dibantu (oleh Allah)".*

Menurut HAMKA, Allah SWT telah menjelaskan dengan terang dan tanpa berselindung bahawa perkara yang membentuk pimpinan ialah tiga iaitu Allah, rasul dan orang yang beriman, mereka adalah merupakan saluran yang akan menyalurkan kehendak Allah dan rasul dalam mengemudi umat serta mencapai reda Allah.[15] Ini telah termaktub dalam firman Allah dalam surah al-Ma'idah (5): 55-56 yang bermaksud:

Maksudnya: "*Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka ruku' (tunduk menjunjung perintah Allah). Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan rasulNya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada ugama) Allah, itulah yang tetap menang".*

Ayat 55 Surah al-Ma'idah merupakan suatu pernyataan yang tegas tentang pimpinan Islam dan tidak ada pimpinan Islam selain daripada tiga faktor membentuk pimpinan iaitu Allah, rasul dan orang-orang yang beriman. Pimpinan

---

[13] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 4, h. 3107.

[14] Yahya bin Sharaf al-Nawawi (2003), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawāwi*, kitab al-Imārat, bab al-Nahyu 'an Talāb al-Imārat wa al-Hars 'Alayha, no. hadith 1652. j. 6, Qahirah: Dār al-Manār, h. 518. Lihat juga 'Ali bin Muhammad al-Shawkāni (2008), *Nayl al-Awtār Sharh Muntaqā al-Akhbār min Ahādith Sayyid al-Akhyār*, kitab al-Aqdiyāt wa al-Aḥkam, bab Karahiyat al-Hars 'ala al-Wilāyat wa Talbiha, no. hadith 3875, c. 4, j. 6, Misr: Dār al-Wāfa', h. 306.

[15] HAMKA (1971), "Dari Hati Ke Hati: Konsepsi Al-Qur'an Tentang Pemimpin", *Panji Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 76, 1 April 1971, h. 3-4.

datang daripada Allah SWT, disampaikan oleh rasul dan dilaksanakan oleh orang-orang yang beriman. Allah SWT merupakan pemimpin tertinggi umat Islam, tidak ada perintah dan tidak ada peraturan yang melebihi perintah dan peraturan yang datang daripada Allah. Jika seseorang itu hanya sedikit sahaja meragui hak Allah sebagai pemimpin yang paling tinggi, sudah pasti keraguan tersebut telah menyebabkan dia telah kehilangan pokok pegangan hidup. Seterusnya jika dia berkata bahawa terdapat peraturan lain ciptaan manusia yang lebih baik daripada peraturan Allah, dia telah murtad dan terkeluar daripada agama Islam. Pimpinan Allah disalurkan melalui wahyu kepada Rasulullah SAW.[16]

Orang-orang yang beriman merupakan pelaksana pimpinan Allah, orang yang percaya bahawa Allah itu memang ada, Maha kuasa dan segala sesuatu di dalam dunia ini berlaku menurut kudrat dan iradatNya. Allah mempunyai pelbagai peraturan dan ia perlu dilaksanakan. HAMKA menegaskan:

> "Sebab itu maka tidaklah mungkin ada orang tampil kemuka membawa bawa nama Islam, padahal dia tidak bersungguh2 pertjaja kepada pimpinan Allah dan Rasul. Apatah lagi kalau nama Islam dipindjamnja untuk mendjamin kedudukan padahal kehendak Islam tidak hendak dilaksanakanja. Apatah lagi orang jang bukan saja tidak mengenal pimpinan Allah dan Rasul itu, bahkan menantangnja. Jang dengan murah mulut mengatakan bahawa peraturan Allah itu tidak tjotjok lagi dengan zaman modern".[17]

Allah memimpin jiwa orang-orang Islam kepada petunjuk dan hidayatNya serta daripada gelap kepada terang. Pemimpin yang kedua bagi orang-orang Islam ialah Rasulullah, baginda mewakili Allah SWT untuk memimpin mukmin dan menunjukkan suri tauladan melalui sunnahnya. Pemimpin yang ketiga pula adalah orang-orang yang beriman, mereka akan membawa golongan mukmin ke arah pemimpin yang pertama dan kedua. Pimpinan seperti ini akan membawa kepada kejayaan kepada Islam dan penganutnya di dunia dan akhirat.[18]

## 1. Sifat Pemimpin

Terdapat dua syarat penting yang perlu ada pada seseorang pemimpin iaitu berani bertindak dan mempunyai pahlawan budi, di dalam sejarah agama Islam Saidina Umar bin Al-Khattab telah menunjukkan sifatnya sebagai seorang pemimpin yang dermawan, memaafkan kejahilan rakyatnya, lemah-lembut di dalam pergaulan serta tidak menghiraukan soal yang remeh temeh dan beliau tidak mengamalkan sikap membalas dendam.[19]

---

[16] *Ibid*., h. 4.
[17] *Ibid*.
[18] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 3, h. 1778-1779.
[19] HAMKA (1973), *Pemimpin Dan Pimpinan*, h. 8.

Setelah zaman bertambah maju seperti sekarang, maka selain daripada sifat yang tersebut, pemimpin juga hendaklah mempunyai sifat-sifat lain yang sesuai dengan roh demokrasi bijaksana iaitu luas jangkauan akal, lapang dada, percaya kepada diri sendiri, percaya kepada benarnya masalah yang diperjuangkan, mempunyai hati yang rahim kepada sesama manusia, mengatur langkah dalam apa jua keadaan, cinta kepada keadilan serta fasih lidah ketika berkata-kata. Sanggup mengadakan dakwah dan dakyah (propaganda), tabah dan tahan hati ketika dalam kesusahan, kerana tidak ada pemimpin dan tidak wujud kemimpinan kalau tidak tahan menderita. HAMKA telah menjelaskan beberapa sifat yang perlu dimiliki oleh pemimpin melalui pantun beliau:

Janganlah masuk ke tengah gelanggang
Kalau taruhan tidak tertampin

Janganlah ingin jadi pemimpin
Kalau hanya alang kepalang

Tidaklah semua orang akan senang
Selama berjuang di bumi ini

Ada yang suka ada yang benci
Setelah meninggal barulah terang.[20]

Para pemimpin hendaklah bersabar jika mereka yang ingin mencapai darjat yang tinggi dalam memimpin bangsa, sebaliknya darjat tersebut tidak akan tercapai jika mereka tidak mempunyai kesabaran dan cepat berputus asa dalam menghadapi sebarang cabaran dan halangan.[21] Para pemimpin hendaklah meniru sifat Rasulullah SAW yang penuh sabar, lemah-lembut, tidak cepat marah dan dengan jiwa besar baginda memimpin umat Islam. Allah SWT telah menanamkan ke dalam diri Rasulullah sifat rahmat (belas-kasihan) dan cinta, sehingga dengan sifat rahmat tersebut mempengaruhi sikap baginda dalam memimpin umatnya. Sebaliknya pemimpin yang bersikap kasar dan keras hati atau kaku sikapnya, akan menyebabkan orang ramai akan menjauhkan diri serta takut untuk menghampirinya, seterusnya mereka akan gagal dalam memimpin.[22] Terdapat tiga keistimewaan kepimpinan Rasulullah SAW, iaitu mengambil berat tentang hal ehwal umatnya, sangat inginkan kebaikan umatnya dan bersifat belas kasihan dan kasih sayang.[23]

Menurut HAMKA, walaupun seseorang itu tidak dapat memimpin orang ramai, sekurang-kurangnya dia hendaklah menjadi suami yang memimpin isteri dan anak-anaknya.[24] Jika seseorang itu telah dinobatkan sebagai pemimpin, dia

[20] *Ibid*., h. 9-10.
[21] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 7, h. 5617.
[22] *Ibid*., j. 2, h. 965-966.
[23] *Ibid*., j. 4, h. 3185-3186.
[24] HAMKA (1971), "Dari Hati Ke Hati: Konsepsi Al-Qur'an Tentang Pemimpin", *Panji Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 76, 1 April 1971, h. 3.

hendaklah bertanggungjawab kepada semua rakyat yang berada di bawah naungan mereka, ini seperti apa yang telah dijelaskan oleh Rasulullah melalui hadith baginda:

أَنَّ عَبْدَ اللهِ بْنَ عُمَرَ يَقُوْلُ : سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ , وَكُلُّكُمْ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ , الإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ , وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ...[25]

> Maksudnya: *"Bahawa 'Abdullah bin 'Umar telah berkata: aku telah mendengar bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Seorang imam (pemimpin) bertanggungjawab terhadap rakyat di bawah pimpinannya. Seorang lelaki bertanggungjawab terhadap ahli keluarga serta mereka yang terletak di bawah tanggungannya...".*

Menurut HAMKA, kita semua adalah memikul tanggungjawab kerana kita dipimpin oleh orang atasan kita, kita pula memimpin dan bertanggungjawab terhadap orang yang berada di bawah tanggungan kita. Seorang raja memimpin rakyat jelata, suami memimpin anak-anak dan isteri, manakala seorang isteri merupakan pemimpin dalam rumah tangga suaminya.[26]

Menurut Muhammad Mahmud al-'Ayni, pemimpin yang dimaksudkan di dalam hadith di atas ialah orang yang diamanahkan untuk menjaga dan sentiasa mengawal terhadap apa yang telah diamanahkan kepadanya, mereka dituntut supaya berlaku adil kepada sesiapa sahaja, menjaga kemaslahatan orang yang berada di bawah naugan mereka, samada dalam hal-hal berkaitan keagamaan atau keduniaan. Jika mereka melaksanakan tugas dan amanah tersebut, mereka akan mendapat balasan yang berlipat ganda, tetapi jika sebaliknya setiap rakyat akan menuntut hak-hak mereka daripada pemimpin tersebut.[27]

HAMKA telah mencadangkan empat sifat yang perlu dimiliki oleh pemimpin bertujuan untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang akan ditempuh oleh para pemimpin agar mereka berjaya dalam pimpinan mereka, sifat-sifat tersebut adalah seperti berikut:

---

[25] 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (1989), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhāri*, kitab al-Jum'at, bab al-Jum'at fi al-Qura wa al-Mudun, no. hadith. 893. j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 482.
[26] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 4, h. 2317.
[27] Muhammad Mahmud bin Ahmad al-'Ayni (2005), *'Umdāt Al-Qāri Sharh Sahih Al-Bukhāri*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr, h. 43.

i. Amanah (jujur)

Makna amanah untuk pemimpin lebih tinggi daripada makna amanah orang biasa, oleh yang demikian, para pemimpin janganlah membelanjakan harta awam untuk kepentingan diri sendiri, pemimpin juga dilarang mengkhianati kawan-kawannya. Mereka wajib jujur, ikhlas, tidak terlalu banyak menabur janji yang tidak dapat dipenuhi serta mereka hendaklah berusaha bersungguh-sungguh. Mereka bukanlah seorang yang jujur jika keadaan yang sebenarnya disembunyikan kepada pengikutnya. Kejujuran seorang pemimpin terletak pada keberaniannya dalam meninjau kembali pendirian yang akan berubah kerana perubahan waktu atau tempat.[28]

ii. Berani

Sifat berani amat penting pada saat-saat genting, sebaliknya keraguan adalah permulaan kepada kekalahan. Para pemimpin hendaklah mempunyai sifat berani berterus terang untuk meluruskan kembali pendapat umum yang salah dan menyeleweng, walaupun mereka akan marah atau murka terhadap tindakan pemimpin tersebut.[29]

iii. Bijaksana

Bijaksana ialah pandangan jauh menampakkan sesuatu yang belum jelas kelihatan oleh orang lain. Para pemimpin wajib mempunyai sifat bijaksana tersebut kerana sesebuah negara banyak memeterai perjanjian dengan negara-negara luar. Kebijaksanaan pemimpin diukur bukan sahaja dalam menjalankan tugas-tugas dalam negara, malah ia merangkumi hal-hal luar negara. Pemimpin yang bijaksana disebabkan banyak pengalaman adalah amat penting dan pemimpin yang bijaksana dapat mengukur kekuatannya.[30]

iv. Timbang rasa

Para pemimpin hendaklah mempunyai sikap timbangrasa atau setia kawan, iaitu keteguhan hubungan pemimpin dengan rakyat terutamanya dengan rakan-rakan mereka yang terdekat. Para pemimpin sejati merasai apa yang dirasai oleh rakyat-rakyatnya, menyelami apa yang dideritai oleh rakyat jelata dan hati mereka sentiasa terbuka menerima rakyat.[31]

Al-Qur’an telah menggariskan dua asas utama dalam memilih pemimpin, pertama ialah ilmu. Ilmu yang mesti dimiliki oleh seorang pemimpin ialah ilmu berkaitan dengan tugas yang sedang dihadapi, agar dia tidak ragu-ragu dalam menjalankan pimpinannya. Tidak perlu bagi pemimpin mengetahui segala cabang ilmu, yang amat penting baginya ialah mempunyai ilmu tentang mempergunakan tenaga, dia

---

[28] HAMKA (1973), *Pemimpin Dan Pimpinan*, h. 18-19.
[29] *Ibid*., h. 20.
[30] *Ibid*., h. 22-23.
[31] *Ibid*., h. 24-25.

wajib tahu memilih tenaga yang akan ditugaskan untuk menghadapi suatu pekerjaan, sebagai contoh Abu Bakar al-Siddiq telah melantik Khalid bin Al-Walid sebagai panglima perang, walaupun perlantikan tersebut tidak dipersetujui oleh Umar bin Al-Khattab lantaran terdapat beberapa tabiat Khalid yang tidak digemari oleh beliau. Abu Bakar telah meletakkan orang yang sesuai pada tempatnya (*the right man in the right place*).

Kesihatan tubuh badan adalah merupakan asas yang kedua dalam memilih pemimpin, ini seperti mempunyai bentuk badan yang tampan yang boleh menimbulkan simpati. Seorang pemimpin yang cacat janganlah dilantik menjadi pemimpin, kecuali kecacatan yang telah menimpanya di dalam peperangan atau ketika menjalankan tugas.[32] Selain itu, seorang pemimpin janganlah turut hanyut dalam gelombang emosi orang-orang yang di bawah pimpinannya, istiqamah (keteguhan) seorang pemimpin merupakan antara faktor yang menentukan kejayaannya pada masa hadapan.[33] Di samping itu seseorang pemimpin perlu mempunyai beberapa sifat berikut; bercita-cita besar, bersabar dalam menghadapi kesusahan dan tidak mudah panik, sentiasa menunaikan janji, teguh pendirian, menutup segala pintu kesusahan dan kebinasaan, meletakkan sesuatu pada tempatnya, meneliti dengan penuh perhatian sebelum melakukan sesuatu tugas.[34]

## Faktor-Faktor Kejatuhan Pemimpin

HAMKA telah menggariskan beberapa faktor yang menyebabkan kejatuhan seseorang pemimpin, antaranya;

1. Sikap Memuja Pemimpin

Terdapat daripada kalangan rakyat yang memuja secara berlebihan dan memohon pangkat kepada pemimpin, perbuatan seperti ini dilakukan adalah kerana mereka takut akan dimurkai, takut pangkatnya akan diturunkan serta takut akan diberhentikan secara paksa yang akan menyebabkan anak-anak mereka kelaparan. Mereka tidak akan berhenti setakat itu saja, malah mereka telah melakukan perbuatan yang sama terhadap para pengganti pemimpin tersebut, mereka sebenarnya adalah golongan yang amat pengecut. HAMKA menjelaskan:

> "Lantaran itu kian lama dia kian menyembah kepada manusia yang diberhalakannya itu. Kemudian tiba-tiba berhenti Presiden tempat dia menyembah dan takut, atau mangkat Raja tempat dia menyembah dan menyusun jari yang sepuluh, dia bertambah musyrik lagi memuja menjilat kepada pengganti Presiden atau Raja itu. Maka seluruh hidupnya dipenuhi oleh rasa takut".[35]

---

[32] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 1, h. 593.
[33] *Ibid*., j. 5, h. 3386.
[34] Raja Haji Ali Raja Muhammad Yusof (1999), *Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas Pada Orang Yang Pantas Dengan Fikiran Yang Lantas*, c. 2, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 38.
[35] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhar*, j. 3, h. 2094.

Sikap mengambil muka terhadap pemimpin adalah satu daripada tanda kelemahan peribadi seseorang yang melakukan perbuatan tersebut.[36] HAMKA telah menamakan sikap mengambil muka terhadap pemimpin ini sebagai *Jilatisme,* kata HAMKA; "merasa diri jadi "besar" kerana pangkat, menunduk-nunduk pada yang pangkatnya lebih tinggi, menekan kepada anak buah yang di bawah".[37] HAMKA telah menceritakan pengalaman peribadi beliau bahawa seorang kawan menganjurkan agar isteri beliau iaitu Siti Raham menulis surat memohon maaf secara terus kepada Presiden Sukarno, meminta kasihan belas Sukarno agar beliau membebaskan HAMKA daripada tahanan penjara kerana anak-anak HAMKA ramai serta memberi pengampunan terhadapnya. Siti Raham tidak menerima saranan daripada kawan HAMKA tersebut. HAMKA juga telah melarang isterinya daripada berbuat perkara tersebut. HAMKA menjelaskan:

> "Saya beri keterangan kepadanya bahwa tahanan ini adalah soal politik. Tidak ada permusuhan peribadi di antara saya dengan Presiden Sukarno. Saya ditahan karena Presiden tidak menyetujui aliran politik saya. Bagaimana saya akan mengubah suatu keyakinan hidup? Bahkan Sukarno pun tidak akan percaya bahwa saya akan berubah! Saya jelaskan kepada isteri saya dengan penuh rasa cinta bahwa anjuran kawan itu, entah disengajanya entah tidak, akan mengakibatkan jatuhnya nama saya".[38]

HAMKA telah memberi amaran keras kepada pembaca *Tafsir Al-Azhar* agar mereka tidak mengampu pemerintah yang tidak adil serta merampas kemerdekaan mereka, kerana perbuatan tersebut akan menyebabkan maruah mereka sebagai manusia akan jatuh.[39] Perkembangan negara-negara di zaman moden ini kadang-kadang menyebabkan pemujaan terhadap pemimpin, tokoh negarawan, pahlawan dan sebagainya secara berlebih-lebihan dan perbuatan seperti ini semakin menjadi-jadi kini.[40]

Para pemimpin dan mereka yang mempunyai jawatan tinggi kerapkali disesatkan oleh pujian *bitanah* iaitu orang-orang yang berada di sekeliling. Oleh kerana pujian biasa dihamburkan kepada pemimpin-pemimpin tersebut, amat jarang mereka mendengar celaan. Jika terdapat individu mengkritik atau menyalahkan perbuatan mereka, orang itu akan disangka memusuhi mereka, lama kelamaan akan dituduh sebagai "musuh negara", lalu disingkirkan dengan jalan kasar atau dengan jalan yang halus, direka dan dicipta fitnah untuk menyingkirkannya. Keadaan ini akan menyebabkan negara yang dipimpin oleh pemimpin seperti ini bertambah sengsara, kehidupan rakyat bertambah melarat dan yang menikmati

---

[36] HAMKA (2007), *Peribadi,* Shah Alam: Pustaka Dini, h. 71.
[37] HAMKA (2009), *Dari Hati Ke Hati: Bercakap Soal Agama, Sosial-Budaya Dan Politik*, Shah Alam: Pustaka Dini, h. 361.
[38] HAMKA (1999) *Tafsir Al-Azhār,* j. 8, h. 6200.
[39] *Ibid*., j. 5, h. 3412.
[40] *Ibid*., j. 8, h. 6260.

kemewahan hidup hanya orang-orang yang dekat dengan pemimpin seperti ini sahaja.[41]

2. Melanggar Janji

Para pemimpin yang melanggar janji wajib dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka, hukuman seperti ini perlu agar mereka berhenti daripada melanggar janji dan agar ianya tidak berulang lagi, juga supaya pergaulan hidup menjadi lebih tenteram. Sebaliknya, jika ianya dibiarkan, nescaya perbuatan mereka ini akan diikuti oleh orang ramai yang hanya menuruti saja kehendak para pemimpin tersebut.[42]

3. Ketidakadilan Pemimpin

Terdapat daripada kalangan para pemimpin yang ingin merdeka daripada garis panduan yang yang telah ditentukan oleh Allah, mereka memperturutkan kehendak hawa nafsu, memakan rasuah, mengambil harta orang lain dengan bukan jalan yang betul, mengaut harta kekayaan negara untuk kepentingan peribadi. Orang-orang yang beriman yakin bahawa kian memuncak ketidakadilan pemimpin seperti ini, kian dekatlah masa kejatuhannya. HAMKA menggambarkan sifat pemimpin yang tidak adil, katanya:

> "Dan dengan memakai nama Demokrasi si zalim menjalankan pemerintahan Autokrasi. Manusia melantik sendiri dirinya jadi Allah. Barangsiapa yang memberi peringatan dengan jujur, dituduhnya musuh negara. Lalu dianiaya, disiksa, diasingkan dan dipenjarakan. Kezaliman itu tidak bisa ditahan-tahan, sebab hawa nafsunya telah membutakan pertimbangannya yang sihat. Bertambah lama bertambah jauhlah dia dari garis yang diredhai Allah".[43]

HAMKA menjelaskan helah yang digunakan oleh pemimipin yang tidak adil untuk mempertahankan kekuasaan mereka dengan menyalahkan pihak musuh daripada luar negara seperti Kapitalis dan lain-lain, kata HAMKA:

> "Kaum yang hendak mempertahankan kekuasaan kezaliman, selalu membesar-besarkan bahaya musuh dari luar, supaya rakyat lupa atau dipalingkan perhatian mereka dari kelemahan pemerintahnya. Lalu dikatakan bahwa musuh yang besar itu ialah Kapitalis, Imperialis dan Kolonialis. Sampai-sampai kalau rakyat tadi telah lapar, habis dihisap darahnya oleh pemerintahnya sendiri, dikatakan bahwa sebab-sebab kesengsaraan rakyat itu ialah kaum kapitalis dari luar".[44]

---

[41] *Ibid*., j. 8, h. 6450.
[42] *Ibid*., j. 4, h. 2873.
[43] *Ibid*., j. 3, h. 2026-2027.
[44] *Ibid*., j. 1, h. 177.

Terdapat juga daripada kalangan pemimpin melakukan ketidakadilan terhadap rakyat di bawah pimpinannya, segala kesalahan mereka tidak boleh disanggah. Pemimpin seperti ini ibarat wakil Tuhan dan segala tindak tanduk mereka adalah sentiasa benar. Jika hal seperti ini berlaku secara berterusan, maka ia bererti merampas dan mencabuli akal budi manusia.[45]

HAMKA turut menggariskan sifat-sifat pemimpin yang tidak adil, antaranya mereka takut untuk menjejakkan kaki ke masjid kerana jiwa mereka amat berjauhan dengan Allah, juga kerana mereka takut untuk mendengar khutbah yang berapi-api menegur perbuatan mereka, juga kerasnya ancaman Allah terhadap mereka. Perbuatan mereka menghalangi orang daripada melakukan ibadat kepada Allah atau menghancurkan masjid bukanlah kerana mereka gagah berani, tetapi sebaliknya mereka adalah golongan yang amat pengecut.[46] HAMKA menggambarkan taktik pemimpin seperti di atas untuk memerangkap musuh-musuh politik mereka dengan katanya:

> "Orang "di atas" mudah saja mengatur siasat kalau memang sudah disengaja buat mencelakakan dia. Yang tidak ada bisa saja diadakan. Masih begitu keadaan di dunia ini sampai kepada waktu tafsir ini disusun; sebab kelobaan manusia kepada kekuasaan menghalalkan segala cara".[47]

HAMKA tidak ketinggalan menjelaskan sifat-sifat imam (pemimpin) yang adil, adil adalah ibarat seperti seorang ibu yang amat kasih terhadap anaknya, dikandungnya anak tersebut di dalam perutnya dengan penuh kesukaran, diasuh dengan penuh kasih sayang setelah anak tersebut dilahirkan, berjaga malam, disusukan, dikendong ke sana sini, berduka bermuram apabila anaknya ditimpa sakit, gembira dan ketawa ria apabila anaknya sihat.[48] HAMKA membuat perumpamaan tentang sifat pemimpin yang adil dengan memetik kata-kata Hassan al-Basri kepada Umar bin Abdul Aziz:

> "Imam yang adil, Ya Amirul Mukmimin, adalah laksana seorang pengembala yang mengembalakan unta yang dikasihinya, dihalaunya ke padang yang subur rumputnya, dihindarkannya jauh-jauh dari pinggir tebing yang curam, dijaganya agar jangan dimakan binatang buas, dipeliharanya supaya jangan mati kepanasan atau kedinginan".[49]

Keadilan menurut Islam adalah perintah yang positif, bukan untuk satu golongan sahaja, malah pemimpin amat dituntut untuk melaksanakan keadilan terhadap rakyat yang berada di bawah kekuasaannya. Adalah satu perkara yang salah jika seseorang pemimpin memerintahkan orang lain supaya hidup sederhana, agar dia

---

[45] HAMKA (1992), *Akhlāqul Karīmah*, Jakarta: Pustaka Panjimas, h. 163.
[46] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 1, h. 271.
[47] *Ibid*., j. 5, h. 3644.
[48] HAMKA (2007), *Lembaga Hikmat*, Shah Alam: Pustaka Dini, h. 34.
[49] HAMKA (2003), *Lembaga Budi Perhiasan Insan Cemerlang*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 83-84.

dapat hidup mewah. Seterusnya HAMKA menegaskan bahawa pemimpin yang tidak adil akan menyeru rakyatnya; "Tidurlah di bawah jambatan, sebab kami diam di gedung indah. Dan nanti akan tercapailah adil dan makmur. Dan tahanlah menderita lapar, sebab saya makan kenyang".[50]

4. Menuruti Hawa Nafsu Dan Kerosakan Akhlak Pemimpin

Pemimpin yang mengikuti hawa nafsu sepenuhnya akan menyebabkan pertimbangan akal mereka akan hilang, pancaindera kabur dan akan terbiasa dengan kemewahan hidup.[51] Imam al-Mawardi menyebut kerosakkan akhlak pemimpin akan membawa kepada rosaknya *'adalah*, melakukan perkara-perkara yang haram juga boleh mencarikkan *'adalah* seseorang pemimpin, pemimpin yang tidak ada *'adalah* akan dikira dirinya cacat dalam memimpin.[52]

5. Tidak Menegur Kesalahan Pemimpin

Setiap manusia mempunyai kelemahan masing-masing, bagi mengatasi kelemahan pemimpin, hendaklah ditegakkan amalan nasihat-menasihati atau tegur-menegur, bukan sahaja nasihat pemimpin kepada rakyat, tetapi apa yang lebih penting ialah nasihat rakyat kepada pemimpin.

Kawan-kawan yang suka mengambil muka seringkali menyebabkan kejatuhan pemimpin. Mereka telah menyembunyikan kelemahan pemimpin serta tidak mahu mengatakan kesalahan dengan terus terang kerana dikhuatiri hati dan fikiran pemimpin menjadi kusut serta akan menimbulkan kemarahannya. Jika sesuatu bahaya menimpa negara, kawan-kawan seperti inilah yang akan lari terlebih dahulu meninggalkan pemimpin tersebut.[53] HAMKA telah menjelaskan tentang kepentingan teguran yang membina dengan katanya:

> "Sebab itu carilah teman yang setia, yang berani mengatakan terus terang kesalahan kita. Cari teman yang berani mengkritik yang sudi membanding kesalahan dan keterlanjuran kita. Biar pahit rasanya menerima kritik, jangan dielakkan suatu kepahitan yang singkat, untuk menghindarkan bahaya kepahitan yang panjang. Kejatuhan orang lain, kenaikannya, langgam suaranya, tabiat perangainya, hendaklah dibawa ukuran kepada diri sendiri. Tilik mana yang salah lalu disingkirkan, dan perhatikan yang benar itulah yang patut dicontoh".[54]

Seorang pemimpin janganlah meniru cara yang telah dilakukan oleh orang lain untuk menjatuhkan seseorang, kerana seorang yang naik ke puncak yang tinggi tidak melalui jalan yang sepatutnya, akan menyebabkan dia jatuh, kejatuhan yang

---

[50] HAMKA (1981), "Dari Hati Ke Hati: Masyarakat Adil Dan Makmur", *Panji Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 316, 1 Mac 1981, h. 7.
[51] HAMKA (1992), *Akhlaqul Karimah*, h. 154.
[52] 'Ali bin Muhammad Habib al-Mawardi (1979), *Qawānin al-Wizārat wa Siyāsat al-Mulk*, h. 36-37.
[53] HAMKA (1992), *Akhlāqul Karīmah*, h. 151-152.
[54] *Ibid*., h. 152.

kita takuti bukanlah kejatuhan seseorang yang berpangkat daripada pangkatnya, kejatuhan orang yang makan gaji daripada gajinya, atau kejatuhan orang kaya daripada kekayaannya. Tetapi apa yang lebih ditakuti ialah kejatuhan budi.[55]

HAMKA telah menyarankan kepada orang yang ingin memberi nasihat kepada para pemimpin hendaklah dengan ikhlas, jujur, lemah lembut serta dengan penuh rasa cinta, walau apapun jawatan yang disandang oleh seseorang seperti raja, presiden, menteri, hakim, penguasa tempatan dan lain-lain, tidaklah bererti bahawa mereka akan terlepas untuk diberi nasihat. HAMKA berpesan dengan katanya:

> "... berikanlah nasihat kepada pemegang pemerintahan itu dengan ikhlas dan jujur, dengan kata lemah lembut dan dari rasa cinta, sunyi daripada membukakan aib dan menghinakan, sunyi daripada kasar dan maksud jahat, yang semuanya itu tidak diizinkan oleh tabiat kemanusiaan yang sempurna. Orang yang kena nasihat haruslah insaf bahwa lantaran pangkatnya itu tidaklah dia tertinggi pada sisi Allah sehingga akan sama derajatnya dengan Nabi. Pada sisi Tuhan tidak berbeda harganya dengan rakyat si pemberi nasihat itu".[56]

Menurut HAMKA, umat manusia tidak akan mencapai kebaikan jika sekiranya tidak ada golongan yang berani menyatakan kebenaran secara terus terang kepada para pemimpin, serta mengajukan supaya pemimpin tersebut memerintah dengan lurus jika mereka telah mulai keluar daripada landasan yang betul, demikian juga, rakyat jelata tidak akan memperolehi ketenteraman jika sekiranya pemimpin mereka derhaka dan tidak memperdulikan petunjuk Allah SWT.[57]

HAMKA ketika menerajui Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (Julai 1975 hingga Mei 1981) telah menyarankan agar ahli-ahli MUI patuh kepada pihak pemerintah yang ada dalam urusan duniawi serta memberi nasihat dan teguran kepada mereka. Ini adalah berasaskan kepada ajaran yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui hadis baginda:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الدِّينُ النَّصِيحَة قَالَ : قُلْنَا : لِمَنْ يَا رَسُوْلُ اللهِ , قَالَ : لِلّهِ وَلِرَسُولِهِ ولكتابه وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ .[58]

> Maksudnya: "*Daripada Ibnu Umar, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Agama itu adalah nasihat, lalu sahabat-sahabat bertanya: "Kepada siapa ya Rasulullah?". Beliau menjawab:*

[55] *Ibid*.
[56] HAMKA (1998), *Lembaga Hidup*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 73-74.
[57] HAMKA (1992), *Akhlāqul Karīmah*, h. 164.
[58] 'Abdullah bin Bahram al-Darimi (2005), *Sunān al-Darīmi*, kitab al-Raqā'iq, bab al-Din al-Nasīhat, no. hadith. 2750, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 214.

> *"Kepada Allah, RasulNya, kitab-kitabNya dan kepada imam-imam kaum muslimin serta orang-orang awamnya".*

Menasihati imam-imam (para pemimpin) dalam hadis di atas bermaksud membantu dan menolong mereka terhadap apa yang mereka lakukan, mengingatkan mereka apabila mereka lalai, menutup kecacatan mereka apabila mereka tersalah akibat tergesa-gesa, bersatu menyokong mereka, mengembalikan sokongan rakyat terhadap mereka apabila orang ramai semakin menjauhi mereka. Nasihat yang paling besar kepada mereka ialah menghalang mereka daripada melakukan kezaliman dengan cara yang baik.[59]

Menurut HAMKA, hadis tersebut telah menjelaskan bahawa pemimpin-pemimpin kaum muslimin atau pemegang-pemegang tampuk pemerintahan disebut sebagai "imam-imam mereka". Kita dituntut supaya memberi nasihat kepada pemegang-pemegang pemerintahan supaya mereka lakukan *amr ma'ruf* dan *nahy mungkar* dan kita juga digalakkan memberi nasihat berkaitan agama kepada orang awam.[60] HAMKA menggalakkan umat Islam khususnya ahli-ahli MUI supaya menghormati pemerintah dan berpegang kepada demokrasi serta memberi teguran dengan penuh keikhlasan.[61]

Para pemimpin hendaklah membuka hati mereka untuk mendengar dan menerima kalimat yang benar dan kata-kata yang jujur, hindarilah sifat keras kepala dan berbangga dengan diri sendiri dalam hal ini, kerana perkara tersebut bukanlah untuk kemaslahatan orang lain, tetapi untuk diri mereka sendiri. Semakin bertambah tinggi pangkat yang disandang, bertambah kurang pula jumlah orang yang berani memberi nasihat kepadanya. Ketahuilah bahawa pangkat dan martabat tidak akan dibawa hingga ke mati. Banyak kita lihat orang-orang yang mempunyai pangkat sangat gemar membangga diri dan menghina orang lain. Tiba-tiba setelah mereka telah menjangkau usia tua dan pencen, orang ramai tidak menghargainya lagi, tetapi diolok-olokkan oleh orang ramai, lantaran perhiasan emas dan cincin yang berada di jarinya, bukan kerana perhiasan budi dan bahasa yang mereka miliki. Pangkat akan hilang, tetapi jiwa yang jujur akan tetap kekal untuk selama-lamanya.[62]

6. Hubungan Ulama Dengan Pemerintah

Ulama ibarat pelita ketika keadaan gelap gelita, mereka adalah penunjuk ke arah jalan kebenaran serta mereka merupakan penentang terhadap penyelewengan kuasa dan kezaliman. Kebesaran dan kehebatan mereka terletak di dalam jiwa, bukan pada pakaian yang kemas dan segak. Mereka menjadi kuat kerana mereka tidak pernah memohon pertolongan kepada sesama makhluk. Para pemimpin

---

[59] 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (1989), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhāri*, kitab al-Iman, bab Qawl al-Nabiyy Salla Allah 'Alyhi wa Sallam, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 184.
[60] HAMKA (1978), *Khutbah Iftitah Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia*, Jakarta: Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, h. 9.
[61] *Ibid*., h. 5.
[62] HAMKA (1998), *Lembaga Hidup*, h. 74.

negara sentiasa berhati-hati terhadap kekuasaan ulama ke atas jiwa umat. Oleh yang demikian, para pemimpin tersebut terpaksa mengambil muka kepada ulama lantaran kerana kuat serta teguhya semangat mereka.[63]

Ulama adalah pemimpin rohani umat, ramai di antara mereka menderita kerana mempertahankan suatu pendirian. Mereka mewarisi daripada para nabi dalam menegakkan kebenaran dan mereka sering bertembung dengan kekuasaan (pemerintah) dan di dalam kenyataan kekuasaanlah yang sentiasa menang dalam menghadapi kebenaran, bertambah tinggi kedudukan ulama, maka bertambah besarlah ujian yang akan dihadapi oleh mereka.[64] Ulama perlu mendekati pemerintah tetapi ianya adalah suatu perkara yang tidaklah mudah. Mereka sebenarnya tidak anti pemerintah, tetapi terdapat segelintir daripada mereka mengambil sikap menjauhkan diri daripada pihak pemerintah, kerana itu adalah jalan yang paling selamat bagi mereka. Kadang-kadang terdapat juga orang yang belum mencapai kedudukan ulama, sudah menganggap dirinya sebagai ulama, akibatnya menurut HAMKA:

> "Orang-orang semacam inilah yang kerap kali mengangguk mengia-iakan, meskipun bukan "Ia". Ada pula orang yang sebenarnya dia adalah seorang dukun penjual 'azimat lalu mengaku 'ulama. Karena melihat orang yang semacam ini yang mendekat, ada penguasa setempat yang menyama ratakan saja segala 'ulama".[65]

Menurut HAMKA, umara' dan ulama hendaklah berkerjasama dan saling memahami kewajipan masing-masing dan mereka tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain.[66] Kebahagiaan dan keselamatan sesebuah negara akan dapat dinikmati lantaran wujudnya kerjasama yang baik di antara golongan umara' dan ulama, ianya merupakan satu idealisme yang tinggi, apabila kedua-dua belah pihak saling kenal mengenali di antara satu sama lain dan mempunyai satu pandangan hidup. Adalah merupakan satu kerugian jika ulama menjauhkan diri daipada pihak pemerintah. Namun terdapat cabaran-cabaran untuk penyatuan di antara kedua-dua golongan ini, antaranya; para pemimpin yang memegang kekuasaan pada umumnya mendapat pendidikan Barat warisan penjajah yang telah diseleweng oleh golongan Orientalis, manakala ulama telah sekian lama menanamkan sikap benci kepada penjajah. Terdapat juga anjuran pihak pemerintah yang kurang sesuai dengan normal-normal agama, jika ianya dituruti oleh para ulama, mereka merasa berdosa, jika diucapkan perkara yang sebenar,

[63] HAMKA (2003), *Renungan Tasawuf: Manisnya Iman*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd., h. 121-122.
[64] HAMKA (1981), "Dari Hati Ke Hati: Kehidupan Ulama", *Panji Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 310, 1 Januari 1981, h. 7-8.
[65] HAMKA (1976) "Dari Hati Ke Hati: Ulama Dan Pemerintahan", *Panji Masyarakat,* Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 210, 1 November 1976, h. 5-6.
[66] HAMKA (1980), *Pidato Pembukaan (Khutbah Iftitah) Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia*, Jakarta: Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, h. 1-2.

mereka akan dituduh tidak menyokong dasar-dasar yang telah ditetapkan, lantaran itu mereka telah mengambil langkah berdiam diri sebagai maslahah.[67]

Oleh yang demikian tujuan utama penubuhan Majelis Ulama Indonesia (MUI) ialah untuk memberi nasihat kepada pemerintah dalam hal-hal berkaitan agama, sama ada nasihat tersebut diminta oleh pihak pemerintah atau sebaliknya. Penubuhan MUI juga bertujuan untuk menyampaikan pandangan rakyat kepada pemerintah, juga menyampaikan kepada rakyat apa yang diinginkan oleh pemerintah.[68] Namun begitu, dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, MUI akan bertemu dengan berbagai-bagai rintangan dan kesulitan, sebagai contoh terdapat para pemimpin gemar apabila MUI berjaya menggembeling tenaga rakyat seupaya patuh kepada pihak pemerintah. Mereka akan marah jika perasaan mereka terguris, kebanyakan daripada kalangan mereka hanya inginkan pujian dan mereka amat bersetuju jika para ulama dikerahkan untuk mengeluarkan fatwa demi memudahkan lagi urusan mereka.[69] Mendekati dan menyampaikan isi hati rakyat kepada pemerintah adalah lebih sukar daripada mencela atau berpidato dengan berapi-api.[70] HAMKA menjelaskan cabaran yang akan ditempuh oleh MUI dalam merealisasikan tujuan-tujuan MUI tersebut dengan memetik kata-kata Presiden Suharto, katanya:

> “Kadang-kadang benar-benar ulama-ulama terletak di tengah-tengah laksana kue bika yang sedang dimasak dalam periuk belanga. Dari bawah dinyalakan api, api yang dari bawah itu ialah berbagai ragam keluhan rakyat. Dari atas dihimpit dengan api, api yang dari atas itu ialah harapan Pemerintah itu sendiri. Berat ke atas, niscaya putus dari bawah. Putus dari bawah niscaya berhenti jadi ulama yang didukung rakyat. Berat kepada rakyat, hilang hubungan dengan pemerintah, maksudnya tidak berhasil. Pihak yang memerintah bisa saja mencap tidak berpartisipasi dengan pembangunan”.[71]

7. Tugas Dan Kewajipan Pemimpin

Para pemimpin adalah di antara orang yang perlu menjaga diri mereka sendiri, kerana mereka kerapkali tidak mempunyai waktu untuk menyelidiki dan merenungi diri, ini kerana mereka merasa bahawa diri mereka telah popular, atau kerana pujian yang telah dihamburkan serta sorakkan orang ramai terhadap mereka seringkali menyebabkan para pemimpin lupa memperbetulkan diri mereka. Oleh kerana mereka selalu dipuji oleh orang-orang yang berada di sekeliling mereka serta suka mengambil muka, segala tindakan mereka yang salah dilupakan, bahkan dianggap baik, kerana tidak ramai orang yang berani berkata

---

[67] HAMKA (1976) “Dari Hati Ke Hati: Ulama Dan Pemerintahan”, *Panji Masyarakat,* Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 210, 1 November 1976, h. 7-8.

[68] HAMKA (1980), *Pidato Pembukaan (Khutbah Iftitah) Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia*, h. 3-4.

[69] *20 Tahun Majelis Ulama Indonesia*, Jakarta: Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, h. 23.

[70] HAMKA (1978), *Khutbah Iftitah Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia*, h. 6.

[71] *20 Tahun Majelis Ulama Indonesia*, h. 23.

benar dalam menegur para pemimpin tersebut, oleh sebab itu, para pemimpin yang gemar dipuji serta mabuk populariti, pada hakikatnya hidup mereka terpencil dan kesepian.[72]

Para pemimpin hendaklah berfikir terlebih dahulu akan manfaat dan mudarat sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, begitu juga pekerjaan yang telah dilakukan hendaklah diteliti untuk kali kedua, kerana sesuatu tindakan yang salah akan merugikan masyarakat. Apabila ternyata bahawa pekerjaan yang telah dilakukan tersebut adalah baik, berguna serta bermanfaat, hendaklah bersyukur kepada Allah. Sebaliknya jika pekerjaan itu ternyata salah serta sesat, hendaklah mereka menyesali diri, bayangkan bahaya dan celaka yang akan menimpa akibat daripada perbuatan tersebut, sehingga kerana memikirkannya itu akan timbul taubat serta timbul janji pada batin bahawa perbuatan yang salah itu tidak akan diulangi lagi.[73]

Pemimpin sejati ialah pemimpin yang insaf akan kedudukan dan martabatnya yang tinggi, dia berkorban dengan meninggalkan pangkat tinggi dan gaji yang besar kerana cinta kepada rakyat, serta sanggup meleburkan dirinya ke dalam jiwa rakyat dan kaumnya. Pemimpin yang sejati juga merasai apa yang dirasai oleh rakyat. Menderita apa yang mereka deritai serta sentiasa terbuka hati menerima rakyat. Janganlah dikatakan sebagai pemimpin rakyat, jika tidak pernah mengenali rakyat dengan lebih dekat. Bahkan ada yang merasa jijik apabila melihat kemiskinan dan kebodohan rakyat serta tidak merasa simpati terhadap penderitaan dan kesengsaraan mereka.[74]

Para pemimpin Islam sejati hendaklah mempunyai sikap bertanggungjawab menegakkan hukum Allah bukan bagi pihak dirinya sendiri, mereka hendaklah menyelesaikan masalah dengan hukum Allah dengan seadil-adilnya dan menggunakan bidang kuasa yang diamanahkan kepadanya.[75]

8. Larangan Melantik Orang Kafir Sebagai Pemimpin

Allah SWT melarang orang-orang yang beriman daripada melantik golongan kafir sebagai pemimpin,[76] kerana orang-orang yang tidak beriman akan membawa golongan muslim ke dalam suasana *taghut* dan kesesatan, menyuruh berbuat jahat serta mencegah daripada berbuat kebaikan, terlepas daripada pimpinan Allah serta kecelakaan akan menimpa umat Islam.[77]

Menurut Ahmad Mustafa al-Maraghi, orang-orang mukmin dilarang menjadikan orang kafir sebagai pemimpin atau teman rapat, sebaliknya orang-orang mukmin haruslah memerhatikan apa yang dikehendaki oleh agama Islam, seperti perasaan

---

[72] HAMKA (1992), *Akhlāqul Karīmah*, h. 151.
[73] *Ibid*., h. 152-153.
[74] HAMKA (1973), *Pemimpin Dan Pimpinan*, h. 25-26.
[75] Abdul Hadi Awang (1995), *Sistem Pemerintahan Negara Islam*, Kepala Batas: Dewan Muslimat Sdn. Bhd., h. 50-51.
[76] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 2, h. 749. Lihat juga Muhammad Rashid Rida (2005), *Tafsir al-Qur'ān al-Hakim al-Mashhūr bi Tafsir al-Manār*, c. 2, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 229.
[77] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 2, h. 749-750.

mencintai dan membenci haruslah berdasarkan pertimbangan agama semata-mata.[78] Janganlah orang-orang mukmin melantik orang kafir sebagai pemimpin kecuali setelah mereka beriman dan memberi kepatuhan sepenuhnya kepada agama Islam, penganut-penganutnya dan negara dengan pengakuan serta amalan.[79]

HAMKA mempersoalkan tindakan orang-orang Islam yang melantik golongan kafir sebagai pemimpin sedangkan mereka mendakwa bahawa mereka masih beriman, apakah sebenarnya yang mereka harapkan daripada golongan kafir tersebut sehingga mengabaikan golongan muslimin, kata HAMKA:

> "Mereka lebih suka dan lebih percaya menyerahkan pimpinan hidupnya kepada orang yang kafir. Apa benarkah yang mereka harapkan dari orang kafir itu, sehingga mereka tidak mau meletakkan kepercayaan kepada orang yang beriman, padahal mereka mengaku beriman?. Kalau pimpinan diserahkan kepada orang kafir, kemanakah mereka hendak dibawa oleh orang kafir itu?. Niscaya kepada kafir pula, bukan?. Mereka mengambil pimpinan dari kaum kafir... Mereka memandang bahwa segala yang datang dari kafir itu segala baik, dan segala yang datang dari Islam segala buruk, namun mereka masih mengaku beragama Islam".[80]

Penyerahan pimpinan hidup kepada orang kafir akan menyebabkan golongan umat Islam menyerahkan pendidikan anak-anak mereka kepada sekolah-sekolah Kristian. Padahal sekolah-sekolah tersebut adalah sambungan daripada Perang Salib terdahulu dan bertujuan untuk mengkristiankan anak-anak orang Islam. Ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka telah meletakkan sepenuh kepercayaan kepada sekolah-sekolah Kristian untuk kejayaan masa depan anak-anak mereka, tanpa mereka sedari anak-anak mereka telah murtad dan menganut agama Kristian.[81]

Larangan melantik golongan kuffar sebagai pemimpin juga adalah kerana mereka mempunyai rancangan tersendiri iaitu supaya orang yang beriman kembali kepada kekufuran dan jahiliyah seperti mereka, menghalang perkembangan agama Islam,[82] orang-orang Islam yang melantik mereka telah termasuk dalam golongan mereka, serta mereka akan bekerjasama dalam menghancurkan Islam.[83] Keingkaran mereka kepada Allah dan peraturan-peraturan Allah akan menyebabkan rancangan pimpinan mereka tidak tentu arah, membawa kecelakaan kepada orang-orang Islam serta berlaku kekacauan dan keruntuhan. Melantik

[78] Ahmad Mustafa al-Maraghi (2006), *Tafsir al-Marāghi*, c. 2, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 485.
[79] Sa'id Hawwa (1999), *Al-Asas fi al-Tafsir*, c. 5, j. 2, Qahirah: Dār al-Salam, h. 1141.
[80] HAMKA (1999), *Tafsir Al-Azhār*, j. 2, h. 1474-1475.
[81] *Ibid*., j. 2, h. 1474.
[82] *Ibid*., h. 1348.
[83] *Ibid*., h. 1762-1763.

mereka sebagai pemimpin adalah salah satu tingkahlaku golongan munafik.[84] Walau bagaimanapun, jika pimpinan tertinggi berada dalam genggaman orang Islam, pemimpin Islam dibolehkan memberi kepercayaan kepada pemeluk agama lain untuk memegang satu jabatan dengan syarat tidak ada sebarang kekhuatiran.[85]

## Kesimpulan

HAMKA telah membincangkan sifat-sifat pemimpin yang diingini oleh semua lapisan masyarakat, bersih daripada segala bentuk penyelewengan dan mencapai keredaan Allah, antara sifat-sifat tersebut ialah; berani bertindak, pahlawan budi, lapang dada, bersabar, cintakan keadilan, amanah, berani, bijaksana dan bertimbang rasa. HAMKA turut membincangkan kepentingan hubungan antara ulama dan umara' demi kebaikan ummah sejagat dan menurut HAMKA, kedua-dua golongan ini tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain. Faktor-faktor kejatuhan pemimpin turut dibincangkan oleh HAMKA antaranya; menuruti kehendak hawa nafsu, melanggar janji dan tidak berlaku adil terhadap rakyat, ianya dibincangkan oleh HAMKA agar menjadi panduan kepada para pemimpin kini bahawa pemimpin adalah satu amanah yang berat dan bukannya tempat untuk mencari kemuliaan kerana ia akan ditanya oleh Allah SWT pada hari akhirat kelak. Seterusnya HAMKA mengingatkan umat Islam agar tidak melantik golongan kafir sebagai pemimpin kerana mereka kelak akan membawa umat Islam ke lembah kesesatan.

## Rujukan

Abdul Hadi Awang (1995), *Sistem Pemerintahan Negara Islam*, Kepala Batas: Dewan Muslimat Sdn. Bhd.

Ahmad al-ʻAyni, Muhammad Mahmud (2005), *ʻUmdāt Al-Qāri Sharh Sahih Al-Bukhāri*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr.

al-Maraghi, Ahmad Mustafa (2006), *Tafsir al-Maraghi*, c. 2, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-ʻIlmīyyah.

ʻAlī bin Hajar al-ʻAsqalāni (1989), *Fath al-Bāri Sharh Sahih al-Bukhāri*, kitab al-Jumʻat, bab al-Jumʻat fi al-Qurā wa al-Mudūn, no. hadith. 893, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-ʻIlmiyyah.

____________ (1989), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, kitab al-Iman, bab Qawl al-Nabiyy Salla Allah ʻAlyhi wa Sallam, j. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-ʻIlmiyyah.

ʻAlī bin Muhammad al-Shawkāni (2008), *Nayl al-Autār Sharh Muntāqā al-Akhbār min Ahādith Sayyīd al-Akhyār*, kitab al-Aqdiyāt wa al-Ahkām, bab

[84] *Ibid*., h. 1483-1484.
[85] *Ibid*., h. 1765-1766.

Karahīyāt al-Hars ‘ala al-Wilayāt wa Talbiha, no. hadith 3875, c. 4, j. 6, Misr: Dār al-Wāfa’.

‘Ali bin Muhammad Habib al-Mawardi (1979), *Qawānin al-Wizārat wa Siyāsat al-Mulk*, Beirut: Dār al-Talī‘at li al-Tibā‘at wa al-Nashr.

Bahram al-Darimi, ‘Abdullah (2005), *Sunan al-Darīmi*, kitab al-Raqā’iq, bab al-Dīn al-Nasīhat, no. hadith. 2750, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr.

HAMKA (1971), “Dari Hati Ke Hati: Konsepsi Al-Qur’an Tentang Pemimpin”, dalam *Panji Masyarakat*, no. 76, 1 April 1971, Jakarta: Yayasan Nurul Islam.

___________ (1981), “Dari Hati Ke Hati: Masyarakat Adil Dan Makmur”, *Panji Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 316, 1 Mac 1981.

___________ (1981), “Dari Hati Ke Hati: Kehidupan Ulama”, *Panji Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 310, 1 Januari 1981.

___________ (1976) “Dari Hati Ke Hati: Ulama Dan Pemerintahan”, *Panji Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, no. 210, 1 November 1976.

___________ (1973), *Pemimpin Dan Pimpinan*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru & Pustaka Budaya Agensi.

___________ (1975), *Kedudukan Perempuan Dalam Islam*, c. 2, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

___________ (1978), *Khutbah Iftitah Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia*, Jakarta: Sekretariat Majelis Ulama Indonesia.

___________ (2009), *Dari Hati Ke Hati: Bercakap Soal Agama, Sosial-Budaya Dan Politik*, Shah Alam: Pustaka Dini.

___________ (1992), *Akhlaqul Karimah*, Jakarta: Pustaka Panjimas.

___________ (1998), *Lembaga Hidup*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

___________ (2007), *Lembaga Hikmat*, Shah Alam: Pustaka Dini.

___________ (2003), *Lembaga Budi Perhiasan Insan Cemerlang*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.

___________ (2007) *Peribadi*, Shah Alam: Pustaka Dini.

___________ (1980), *Pidato Pembukaan (Khutbah Iftitah) Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia*, Jakarta: Sekretariat Majelis Ulama Indonesia.

___________ (1999), *Tafsir Al-Azhar*, c. 3, j. 1-8, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

___________ (2003), *Renungan Tasawuf: Manisnya Iman*, Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.

Hawwa, Sa‘id (1999), *Al-Asas fi al-Tafsir*, c. 5, j. 2, Qaherah: Dār al-Salam.

*20 Tahun Majelis Ulama Indonesia*, Jakarta: Sekretariat Majelis Ulama Indonesia.

Mohd Zaid Kadri (1997), *Fakta-fakta Dari Tafsir Al-Azhar*, Johor Bahru: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.

Muhammad Rashid Rida (2005), *Tafsir al-Qur'ān al-Hakim al-Mashhūr bi Tafsir al-Manār*, c. 2, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Noresah Baharom et al., (2010), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Haji Ali Raja Muhammad Yusof (1999), *Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas Pada Orang Yang Pantas Dengan Fikiran Yang Lantas*, c. 2, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Sharaf al-Nawawi, Yahya (2003), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawāwi*, j. 6, Qahirah: Dār al-Manār.